

**MALAM PENGHARGAAN JAWATANKUASA AKTIVITI KEMAS,  
PELANCARAN 'RISDA SEED' DAN MENANDATANGANI MOU  
TISU KULTUR RISDA/MPOB**

**TARIKH: 4 MAC 2008**

**MASA : 8.30 MALAM**

**TEMPAT: DEWAN BANKUET,  
BANGUNAN MBSA, SHAH ALAM**

**1. PAKEJ USAHA-USAHA UNTUK MENINGKATKAN  
PRODUKTIVITI KEBUN PEKEBUN KECIL**

Mulai tahun 2003, RISDA telah diminta untuk meningkatkan usaha untuk penambahbaikan pengurusan dan peningkatan produktiviti kebun. Usaha-usaha secara pakej untuk meningkatkan produktiviti yang telah di ambil oleh RISDA termasuk:

- i. Meningkatkan Amalan Pertanian yang baik (GAP)**
- ii. Pelaksanaan kursus formal dan 'in-formal' dalam bidang pengurusan dan produktiviti kebun-penubuhan Institut Kemajuan Pekebun Kecil (IKPK)**
- iii. Pembekalan benih bermutu secara lebih berkesan**
- iv. Pelaksanaan Impian 500 bagi getah dan 148 bagi Sawit**
- v. Pembekalan Input Pertanian di bawah Program Peningkatan Produktiviti Getah (PPG).**
- vi. Pendekatan Pemantauan 3:3:1:3**

- vii. **Penubuhan Kelab 2,000 Kg bagi getah dan 30 MT bagi sawit.**
- viii. **Pelaksanaan pemasaran secara 'Super-Dealer' dan penubuhan Pusat Timbang dan Stor (PTS)**

**2. HASIL USAHA-USAHA INI, PRODUKTIVITI KEBUN PEKEBUN KECIL TELAH MENINGKAT:**

- i. **Produktiviti getah Pekebun kecil telah meningkat daripada 1,290 kg/hektar/tahun pada tahun 2005 ke 1,372 kg/hektar/tahun (2006) dan 1,599 kg/hektar/tahun pada tahun 2007.**
- ii. **Produktiviti Sawit Pekebun kecil yang di pantau telah meningkat daripada 16.41 MT/hektar/tahun pada tahun 2006 kepada 16.75 MT/hektar/tahun.**
- iii. **Keahlian Kelab 2000 kg bagi getah telah mencapai ke 1,716 orang ahli, manakala 26 orang telah mencapai Kelab 3000 kg.**
- iv. **Keahlian Kelab 30 MT bagi Sawit telah mencapai 81 orang ahli manakala 421 orang telah mencapai lebih 20 MT.**

### 3. PELANCARAN 'RISDA SEED'

- i. Pengeluaran benih Sawit 'RISDA Seed' adalah hasil **kerjasama RISDA dengan MPOB** sejak tahun 1999 dan pembangunan 'RISDA Seed' telah bermula tahun 2000.
- ii. **Tujuan pengeluaran** RISDA Seed adalah untuk menampung keperluan pekebun kecil sawit yang memerlukan sekurang-kurangnya 2.25 juta anak benih sawit setahun.
- iii. **Jumlah pengeluaran** RISDA Seed dari tahun 2000 sehingga sekarang melebihi 5 juta biji cambah dimana ia telah dibekalkan kepada pekebun kecil dalam Program Tanam Semula RISDA.
- iv. **Kapasiti pengeluaran** RISDA Seed semasa sekitar 700,000 biji cambah setahun. Ladang Seed Garden RISDA Kg. Changkat Sulaiman, Perak akan berupaya mengeluarkan sepenuhnya keperluan pekebun kecil pada tahun 2012.
- v. **Ciri-ciri RISDA Seed :**
  - Hasil lebih 30 Metrik Tan sehektar setahun
  - Lambat meninggi, tempoh kutipan buah yang panjang
- vi. **Kejayaan RISDA Seed** setakat ini- Hasil 42 MT/hek/tahun di Ladang RISDA Gunung Tungal,

Perak walaupun ladang ini mempunyai tanah siri kelas 4 iaitu siri Sogomana.

#### **4. MOU TISU KULTUR RISDA/MPOB**

- a. **MOU** ini akan menggariskan kerjasama dan pemindahan teknologi antara MPOB kepada RISDA meliputi Pemindahan Teknologi, Khidmat Nasihat bagi pembinaan makmal dan operasi makmal Tisu Kultur.
- b. RISDA akan membina sebuah kompleks makmal Tisu Kultur lengkap di **Bangi, Selangor** yang di jangka siap pada **Februari 2009**.
- c. Peruntukan pembinaan- **RM 3.15 juta**
- d. **Ciri-ciri benih Tisu Kultur :**
  - a. Nisbah minyak dengan tandan melebihi 28 % berbanding konvensional sebanyak 24 %.
  - i. Keseragaman pertumbuhan dan produktiviti yang tinggi.
  - ii. Menghasilkan bilangan tandan yang banyak dan hasil boleh melebihi 30 mt / ha / thn bagi tanah pendalaman.
  - iii. Peningkatan hasil yang berterusan untuk tempoh satu pusingan hayat ekonomi pokok sawit matang ( 22 tahun ) adalah satu manfaat yang besar kepada Pekebun Kecil.

## 5. DASAR-DASAR BARU UNTUK PEKEBUN KECIL

Pada akhir tahun 2005, '**Jawatankuasa Kabinet Mengenai Cara-Cara Meningkatkan Pendapatan Pekebun Kecil Komoditi (JKMPPK)**', beberapa keputusan telah dibuat dan pekebun-pekebun kecil akan menerima faedah sepertimana berikut:

- a. Geran sebanyak RM9,803,392.00 bagi pekebun kecil yang memiliki kebun 2.50 hektar dan ke bawah yang terlibat dengan Tanam Semula getah ke Tanaman Lain (TSGL) di antara tahun 2002 hingga 2003 seluas 2,204.00 hektar dengan kadar RM4,448.00 sehektar;
- b. Pemulangan wang ses berjumlah RM49,592,500.00 bagi pekebun kecil yang memiliki kebun seluas 5.00 hektar dan ke bawah yang terlibat dengan TSGL diantara tahun 2001 hingga 2003 seluas 19,837.00 hektar dengan kadar RM2,500.00 sehektar; dan
- c. Pemulangan wang ses berjumlah RM31,897,500.00 bagi pekebun kecil yang memiliki kebun seluas 5.00 hektar dan ke bawah yang terlibat dengan TSGL di antara tahun 2004 hingga 2005 seluas 12,759.00 hektar dengan kadar RM2,500.00 hektar; dan
- d. Bayaran pemulangan wang ses kepada pekebun kecil yang memiliki kebun seluas 5.00 hektar hingga 40.80 hektar yang terlibat dengan TSGL sejak tahun 2001 tertakluk kepada keluasan maksimum 5,000 hektar

setahun melibatkan pembayaran pemulangan wang ses maksimum RM12.50 juta setahun.

Pada 23 April 2007, Jawatankuasa juga telah menimbang dan meluluskan perkara-perkara berikut:

- i. Menaikkan kadar bantuan tanam semula getah ke lain tanaman (**TSGL**) daripada RM4,448.00 sehektar kepada RM6,000.00 sehektar.
- ii. Memperluaskan skop program tanam semula dengan membenarkan pembangunan tanam kosong sehingga ke paras 30% yang akan dibangunkan dalam projek berkumpulan. Bantuan yang disediakan ialah sebanyak RM4,500.00 sehektar untuk tanaman getah dan RM3,500.00 sehektar untuk tanaman lain daripada getah. Sementara baki peruntukan sebanyak RM2,500.00 sehektar untuk setiap jenis tanaman adalah dibiayai melalui pinjaman yang tidak dikenakan faedah.